

0250-16660

SIRI SATHIA NEGARA

DOIL
SAID

PAHLAWAN NANING

Disusun semula oleh
Shuhada

VC BOOK CO SDN. BHD.

28-3, Jalan Radin Tengah,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-9587093

Fax: 03-9570166

© VC Book Co Sdn. Bhd. 1997
Cetakan Pertama 1997

Hak Cipta Terpelihara.

*Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini, sama ada artikel,
ilustrasi atau isi kandungan dalam apa juga bentuk
dan teknik baik secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin
bertulis daripada VC Book Co Sdn. Bhd.*

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Dol Said: Pahlawan Naning/disusun semula oleh Shuhada.

(Siri Satria Negara)

ISBN 983-080-033-4 (set)

ISBN 983-080-035-0

1. Naning (Melaka)-History 2. Naning (Negeri Sembilan)-History
3. Herves-Melaka-Naning 4. Heroes-Negeri Sembilan-Naning

I. Shuhada, 1970- II. Siri

M 959.5

902181

Dicetak oleh:

L. C. MARKETING

9, Jalan Kijang Satu,

Taman Suntex, 43200,

Batu 9, Cheras, Kajang,

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-9049098

M
959.5
DOL

- 1 DEC 1997

**Perpustakaan Negara
Malaysia**

Naning sebuah daerah kecil yang terletak hampir dengan Melaka. Pada zaman Kesultanan Melaka daerah itu berada di bawah kekuasaan Melaka. Naning sentiasa membayar cukai ke negeri Melaka. Apabila Melaka ditakluk oleh Portugis, Naning menjadi sebuah daerah yang bebas. Naning tidak membayar ke Melaka yang di perintah oleh Portugis.





Bagaimanapun, apabila Inggeris memerintah Melaka, mereka telah cuba menguasai Nanning. Mereka mahu memaksa Nanning membayar cukai ke Melaka seperti pada zaman Kesultanan Melaka. Ini ditentang oleh penduduk Nanning oleh seorang penghulu yang gagah dan bijaksana iaitu Dol Said.



Dol Said hanya anak orang biasa dari Suku Semelenggang di Naning. Bagaimanapun, semenjak remaja lagi beliau sudah menunjukkan kebolehan sebagai seorang pahlawan dan pemimpin. Ini adalah hasil didikan yang diberi oleh ibu bapanya,

Semenjak kecil, Dol Said diberi didikan secukupnya. Beliau pula sangat rajin belajar. Beliau akhirnya mempunyai ilmu agama yang tinggi. Beliau juga mendapat pelajaran ilmu silat daripada seorang guru yang terkenal. Oleh sebab itu, beliau sangat handal dalam ilmu persilatan.





Dengan kebolehan yang ada padanya, Dol Said sentiasa menjadi contoh bagi pemuda-pemuda Naning. Penghulu Naning pula sentiasa menaruh harapan kepada Dol Said untuk membantu menjaga keamanan di Naning. Penghulu Naning ketika itu bernama Datuk Anjak, Beliau sudah tua dan selalu sakit-sakit.



Tidak lama kemudian, Datuk Anjak telah meninggal dunia. Orang tua-tua di Naning mula berbincang untuk memilih penghulu Naning yang baru. Bagaimanapun, mereka agak buntu kerana Datuk Anjak tidak menyebut sebarang pengganti bagi dirinya.

"Kita perlu memilih pemimpin yang tegas dan mampu memimpin daerah kita ini dengan baik," kata salah seorang daripada mereka. "Ya, elok kalau kita pilih daripada golongan muda," cadang seorang yang lain pula. "Bagaimana dengan Dol Said? Dulu Datuk Anjak selalu mengharapkannya dalam pelbagai urusan," tiba-tiba seorang yang lain memberi pandangan.



"Dol Said itu memang seorang budak yang luar biasa. Dia berani, tegas dan bijaksana. Saya rasa dialah calon yang paling baik untuk menjadi penghulu Naning ini," seorang yang memberi cadangan. Akhirnya, orang tua-tua di Naning telah sepakat untuk memilih Dol Said sebagai penghulu Naning. Hal itu telah dimaklumkan kepada Dol Said dan kedua-dua orang tuanya.




Dol Said menerima jawatan itu dengan hati yang berat. Ketika itu usianya baru 24 tahun. Beliau menganggap tugas sebagai penghulu Naning bukanlah tugas yang mudah. Bagaimanapun, beliau berazam untuk melaksanakan tugas sebagai penghulu dengan sebaik-baiknya. Sebagai penghulu, Dol Said mempunyai kuasa penuh dalam urusan pemerintahan daerah Naning. Antara tugas-tugasnya yang penting ialah memungut cukai dan menjaga keamanan di Naning. Sebagai orang muda, Dol Said selalu meminta pandangan orang tua-tua di Naning, terutamanya orang-orang yang pernah berkhidmat dengan penghulu Datuk Anjak. Dengan cara itu Dol Said dapat mentadbir Naning dengan baik dan cekap.





Ketika Dol Said menjadi penghulu Naning, orang Inggeris sudah menguasai Melaka. Orang Inggeris mengambil alih pemerintahan Melaka daripada Belanda yang menawan Melaka daripada orang Portugis. Mereka memaksa penduduk Melaka membayar cukai yang tinggi kepada mereka. Penduduk Melaka terpaksa mengikut sahaja kerana Inggeris mempunyai pasukan askar yang kuat.



Dol Said sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di Melaka. Beliau bimbang Inggeris akan cuba menguasai Naning. Beliau tahu orang Inggeris sangat tamak. Mereka tentunya mahu menguasai Naning yang kaya dengan pelbagai hasil. Dugaan Dol Said itu akhirnya memang menjadi kenyataan. Pada suatu hari, seorang wakil Inggeris yang bernama Kenel Taylor telah datang ke Naning. Dia membawa surat daripada pemerintah Inggeris di Melaka.

"Datuk, saya wakil daripada pemerintah Melaka. Saya membawa surat daripada ketua saya untuk datuk. Silalah datuk membacanya," kata Kenel Taylor kepada penghulu Dol Said. Dol Said segera membaca surat itu dengan teliti. Dalam surat tersebut pihak Inggeris di Melaka telah meminta Naning membayar cukai ke Melaka. Mereka mendakwa Naning adalah sebahagian daripada negeri Melaka. Dol Said sangat marah apabila membaca surat itu. Beliau bertekad tidak mahu tunduk kepada Inggeris. "Beritahu ketua kamu Naning bukan daerah dalam negeri Melaka. Naning sebuah daerah yang bebas. Kami tidak sekali-kali akan membayar cukai ke Melaka," kata Dol Said kepada Kenel Taylor dengan tegas.





Kenel Taylor pulang ke Melaka dengan hati yang hampa. Walaupun dia mencuba sedaya upaya untuk memujuk Dol Said, tetapi usahanya tidak berhasil. Dol Said tetap tegas dengan pendiriannya. Setelah Kenel Taylor pulang ke Melaka, Dol Said telah memanggil orang-orang besar Naning ke rumahnya. Beliau mahu mengadakan perbincangan tentang ancaman daripada pihak Inggeris itu.



"Tuan-tuan semua, kita sekarang nampaknya sedang diancam oleh orang Inggeris. Mereka mengatakan Naning ini dalam kekuasaan mereka. Mereka mahu kita membayar cukai yang tinggi kepada mereka. Saya percaya suatu ketika nanti pihak Inggeris akan menggunakan kekerasan untuk memaksa kita. Oleh itu, kita mestilah membuat persediaan dari sekarang untuk menghadapi mereka," kata Dol Said.

"Ya, datuk. Kami semua bersetuju dengan pandangan datuk. Kami berikrar akan sentiasa berdiri di belakang datuk untuk menghadapi orang Inggeris itu," kata salah seorang daripada orang-orang besar Naning. Sementara itu, pihak Inggeris juga tidak berdiam diri. Mereka tetap mahu Naning tunduk kepada mereka. Mereka terus mencuba untuk memujuk Dol Said secara halus. Pemerintah Inggeris di Melaka yang bernama Fullerton beberapa kali menghantar surat kepada Dol Said. Dia menjemput Dol Said datang ke Melaka. Kononnya dia mahu mengadakan perbincangan yang adil dengan Dol Said.



Dol Said sedar pihak Inggeris cuba memerangkapnya melalui rundingan. Oleh sebab itu, beliau tidak mempedulikan jemputan Fullerton itu. Beliau tetap enggan pergi ke Melaka. Sementara itu, beliau terus mengarahkan penduduk Naning bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan. Setelah beberapa tahun, Inggeris mula hilang sabar. Akhirnya mereka telah mengambil tindakan tegas ke atas Dol Said. Pemerintah Inggeris telah menghantar surat ke Naning dengan menyatakan bahawa Naning diperintah oleh Melaka. Pemerintah Inggeris menyatakan jawatan Dol Said sebagai penghulu sudah dilucutkan. Penduduk Naning diminta membayar cukai terus kepada wakil Inggeris, bukannya kepada Dol Said.




Dol Said sangat marah dengan tindakan orang Inggeris yang biadap itu. Begitu juga dengan orang-orang besar dan penduduk Naning. Mereka semua berazam tidak akan tunduk kepada Inggeris. Penduduk Naning mula membuat persiapan yang lebih rapi. Para pemuda Naning mula melengkapkan diri dengan senjata. Setiap malam, masing-masing berlatih ilmu pencak silat dengan gigih. Mereka juga membina kubu-kubu pertahanan. Mereka percaya pihak Inggeris tentu akan menyerang Naning jika mereka tidak membayar cukai kepada wakilnya nanti.





Seperti yang diduga oleh penduduk Naning, pada suatu hari datanglah wakil pemungut cukai orang Inggeris. Mereka diiringi oleh beberapa orang askar yang bersenjata. Apabila wakil pemungut cukai itu cuba untuk masuk ke daerah Naning, pemuda-pemuda Naning yang lengkap bersenjata telah menghalang mereka. Mereka tidak gentar walaupun ada askar Inggeris yang mengiringi pemungut cukai itu. "Janganlah kamu cuba masuk ke Naning ini. Kami tidak akan membayar cukai walau sebiji beras pun kepada kamu. Pulanglah kamu ke Melaka. Jangan cuba-cuba lagi kamu datang ke mari," kata salah seorang pemuda itu sambil tangannya memegang hulu keris.



Wakil pemungut cukai itu menjadi sangat takut. Walaupun ada beberapa orang askar Inggeris yang mengiringinya, tetapi bilangan pemuda-pemuda Naning lebih ramai. Akhirnya pemungut cukai itu berpatah balik ke Melaka. Pihak Inggeris amat marah terhadap Dol Said dan penduduk Naning. Akhirnya mereka membuat keputusan untuk menyerang Naning. Pada mulanya, mereka menghantar pasukan seramai 200 orang askar yang lengkap dengan senjata moden, termasuk meriam.

Penduduk Naning yang dipimpin oleh Dol Said sudah bersiap sedia untuk menghadapi pasukan Inggeris itu. Mereka membuat pelbagai perangkap di jalan-jalan masuk ke daerah Naning. Pasukan Inggeris yang dihantar ke Naning itu berasa amat yakin bahawa mereka akan dapat menewaskan Naning dengan mudah. Mereka berasa angkuh dengan kekuatan senjata moden yang ada pada mereka. Mereka menyangka penduduk Naning tentu berasa takut dan akan menyerah diri sahaja.





Bagaimanapun, mereka amat terperanjat apabila tiba di Naning. Mereka mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk Naning. Mereka tidak berjaya merempuh kubu-kubu pertahanan yang dibina oleh penduduk Naning. Pasukan askar Inggeris itu menjadi kucar-kacir apabila diserang oleh penduduk Naning. Penduduk Naning sungguh ber-semangat untuk mempertahankan daerah mereka. Akhirnya askar-askar Inggeris itu berjaya diusir dari Naning. Askar-askar Inggeris mengalami kekalahan yang teruk.

Penduduk Naning bersorak-sorak kegembiraan. Mereka telah berjaya menewaskan pasukan askar yang dilengkapi dengan senjata moden. Bagaimanapun, Dol Said telah mengingatkan mereka agar jangan leka dengan kejayaan itu. Beliau percaya pihak Inggeris tentu akan menghantar pasukan yang lebih besar ke Naning. Pihak Inggeris pula sangat terkejut dengan kekalahan itu. Mereka tidak menduga akan ditentang dengan hebat oleh penduduk Naning. Bagaimanapun, mereka tidak berputus asa. Mereka kemudiannya mengumpulkan pasukan yang lebih besar untuk menyerang Naning. Kali ini mereka menyiapkan pasukan seramai kira-kira 1400 orang. Pasukan itu akan dihantar ke Naning dengan diketuai oleh Kapten Kenel Herbert.




Persiapan yang diatur oleh Inggeris diketahui oleh penghulu Dol Said. Beliau sedar penduduk Naning tidak akan mampu menghadapi pasukan yang besar dan dilengkapi dengan senjata moden itu. Beliau pun mencari jalan untuk menghadapi pasukan Inggeris itu. Akhirnya Dol Said membuat keputusan untuk meminta bantuan dari Rembau. Ketika itu Rembau diperintah oleh Yamtuan Ali. Naning dan Rembau memang mempunyai hubungan yang baik ketika itu. Yamtuan Ali bersetuju untuk membantu Dol Said. Beliau berjanji akan menghantar sepasukan askar yang diketuai oleh Saiyid Syaaban, iaitu menantunya.







Bagaimanapun, langkah yang diambil oleh Dol Said itu juga diketahui oleh pihak Inggeris. Pihak Inggeris sedar mereka tentu sukar mengalahkan Naning jika Rembau memberikan bantuan. Oleh itu, pihak Inggeris mula menjalankan helah supaya Rembau tidak membantu Naning.

Pihak Inggeris menghantar wakil mereka ke Rembau. Mereka membawa pelbagai hadiah kepada Yamtuan Ali. Mereka juga berjanji akan melindungi Rembau daripada sebarang ancaman musuh. Hasil pujuk rayu pihak Inggeris, Yamtuan Ali telah berubah fikiran. Beliau mengarahkan pasukan yang diketuai oleh Saiyid Syaaban supaya tidak pergi membantu Naning. Sebaliknya pasukan itu diarahkan supaya membantu pasukan Inggeris pula.



Dol Said sungguh dukacita apabila mendapat tahu hal itu. Bagaimanapun, beliau tidak mudah patah semangat. "Sungguh tidak diduga, Yamtuan Ali begitu mudah berubah fikiran kerana pujuk rayu dan sogokan harta benda oleh Inggeris. Sanggup pula dia bersubahat dengan bangsa penjajah itu untuk menyerang kita," kata Dol Said.





Tidak lama kemudian, pihak Inggeris pun melancarkan serangan yang hebat ke atas Naning. Pasukan dari Rembau pula turut membantu mereka seperti yang dijanjikan. Penduduk Naning berjuang dengan gagah berani walaupun mereka dalam keadaan serba kekurangan.

Kubu-kubu pertahanan penduduk Naning musnah satu demi satu akibat dibedil oleh meriam-meriam Inggeris. Penduduk Naning ramai yang terkorban. Akhirnya mereka tidak mampu bertahan lagi. Demi untuk menjaga keselamatan penduduk Naning, Dol Said telah mengarahkan mereka supaya berundur ke dalam hutan.





Dol Said dan penduduk Naning bersembunyi di dalam hutan sambil menyusun gerakan untuk menyerang pihak Inggeris. Mereka melancarkan beberapa serangan ke atas kedudukan askar Inggeris di Naning dari dalam hutan itu. Walaupun mereka tidak berjaya.

Dol Said pula semakin tua dan uzur. Beliau sering sakit-sakit. Akhirnya beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Demikianlah berakhirnya penentangan Dol Said terhadap Inggeris. Sungguhpun Dol Said dan orang-orangnya berjuang dengan penuh semangat, namun mereka tidak mampu menghadapi senjata moden pihak Inggeris. Sedangkan mereka hanya menggunakan senjata-senjata lama seperti keris, tombak, panah dan sebagainya. Selain itu, mereka juga dikecewakan oleh perbuatan Yamtuan Ali yang tergoda dengan pujuk rayu dan tawaran harta benda daripada pihak Inggeris.

